



جابتن حال إحوال إكلام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
MUDA HANYA SEKALI



Tarikh Bacaan:
5 JUN 2026M / 19 ZULHIJAH 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Muda Hanya Sekali

5 Jun 2026M/ 19 Zulhijjah 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ ﴿١١﴾ سورة الرعد
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib berpesan kepada diri sendiri dan menyeru sidang jemaah sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Kita laksanakan segala perintah Allah dan tinggalkan segala larangan-Nya. Moga-moga kita memperoleh kesejahteraan dalam kehidupan serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sebelum meneruskan bicara, khatib ingin mengingatkan sidang hadirin agar memberikan perhatian sepenuhnya terhadap khutbah pada hari ini. Pinjamkan seketika telinga dan hati. Semoga setiap peringatan yang disampaikan dapat menyentuh jiwa dan mencetuskan kesedaran. Pada hari yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

Muda Hanya Sekali.



HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى,

Nasib sesuatu kaum bergantung kepada usaha dan ikhtiar mereka sendiri. Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى tidak akan mengubah sesuatu keadaan melainkan manusia itu sendiri berusaha mengubah apa yang ada pada diri mereka. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah ar-Ra'd ayat 11 yang dibacakan pada awal khutbah tadi:

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.”

Ayat ini mengajar kita bahawa perubahan tidak berlaku dengan hanya menunggu masa atau mengharapkan orang lain bertindak. Perubahan menuntut kesedaran yang tinggi, keberanian untuk melangkah dan usaha yang bersungguh-sungguh. Dalam dunia hari ini yang bergerak pantas, golongan belia memikul peranan yang amat besar sebagai pencetus transformasi, pembina masa depan ummah dan penggerak kemajuan negara.

Belia bukan sekadar pewaris masa depan, bahkan mereka ialah pemimpin masa kini yang mempunyai tenaga, idea, kreativiti dan semangat untuk membina masyarakat yang lebih baik. Jika belia dipimpin dengan ilmu, dibimbing dengan iman dan dihiasi dengan akhlak mulia, maka mereka mampu menjadi kekuatan besar yang mempertahankan agama dan memacu kemajuan negara. Namun jika mereka dibiarkan tanpa panduan, maka rosaklah masa depan ummah.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى,

Al-Quran telah merakamkan kisah pemuda-pemuda beriman dalam Surah al-Kahfi sebagai teladan sepanjang zaman. Firman Allah pada ayat 13:

تَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) kisah mereka dengan sebenarnya; sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk.”

Perhatikan bagaimana Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* memuliakan golongan pemuda dalam ayat ini. Mereka hidup dalam masyarakat yang rosak dan menolak kebenaran, namun mereka tetap mempertahankan iman walaupun terpaksa berdepan tekanan dan cabaran. Keberanian mereka lahir daripada kekuatan akidah dan keyakinan kepada Allah.

Begitu juga dalam sejarah Islam, Rasulullah memberi kepercayaan besar kepada golongan muda. Baginda *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* melantik Usamah bin Zaid *رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ* sebagai panglima tentera ketika usianya masih muda untuk memimpin pasukan yang terdiri daripada para sahabat yang lebih berusia. Ini membuktikan bahawa Islam memandang tinggi kemampuan dan potensi belia apabila dibentuk dengan amanah, ilmu dan akhlak yang baik.

Justeru, generasi muda hari ini perlu dibimbing agar menjadi belia yang bukan sahaja berjaya dalam pelajaran dan kerjaya, tetapi juga kukuh pegangan agamanya, tinggi akhlaknya dan besar tanggungjawabnya

terhadap masyarakat. Inilah ciri belia yang bakal menjadi pewaris masa depan, pemimpin dan agen perubahan. Golongan muda yang berpegang kepada agamanya dan berakhlak mulia dijanjikan naungan daripada Allah di hari akhirat nanti. Sebagaimana sabda Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ... وَشَابُّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ اللَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: *“Tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah pada hari yang tiada naungan melainkan naungan-Nya... antaranya ialah seorang pemuda yang membesar dalam beribadah kepada Allah Taala.”*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dunia hari ini berubah dengan sangat pantas. Perkembangan teknologi digital, kecerdasan buatan atau (A.I), media sosial dan ledakan maklumat memberi pelbagai peluang dan cabaran kepada generasi muda. Dalam keadaan ini, belia tidak boleh bersikap lemah, malas atau sekadar menjadi pengguna tanpa kawalan.

Sebaliknya, belia perlu melengkapkan diri dengan ilmu, kemahiran dan nilai akhlak yang tinggi agar mampu memanfaatkan teknologi untuk perkara yang membawa kebaikan kepada manusia dan agama. Dalam masa yang sama, cabaran sosial seperti tekanan hidup, masalah kesihatan mental, pengaruh hiburan melampau, penyalahgunaan media sosial serta keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat khususnya belia semakin membimbangkan.

Pada era ledakan teknologi kecerdasan buatan (A.I) dan dunia digital tanpa sempadan hari ini, golongan belia janganlah hanyut dalam arus media sosial sehingga terjebak dengan perkara-perkara lagha dan

mungkar seperti menghabiskan masa melayari aplikasi yang tidak berfaedah, mengeluarkan kata-kata keji, mencaci, menghina serta membuka aib orang lain.

Malah, ada yang tergelincir ke arah muqaddimah perzinaan, menyimpan dan menyebarkan bahan lucah serta pelbagai bentuk keruntuhan moral yang merosakkan jiwa. Ada juga sebahagian anak muda yang terjebak dengan dosa yang berulang-ulang hanya melalui beberapa saat tontonan dan hiburan yang melalaikan, sehingga akhirnya menjauhkan hati daripada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* serta merosakkan hubungan dengan-Nya.

Oleh itu, belia memerlukan bimbingan keluarga, institusi pendidikan, masjid dan masyarakat agar mereka tidak kehilangan arah dalam menjalani kehidupan. Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* telah mengingatkan kita melalui sabdanya yang bermaksud:

“Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara, antaranya masa mudamu sebelum datang masa tuamu.”

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan pedoman bersama:

Pertama: Belia ialah aset ummah dan harapan masa depan yang perlu dibina dengan ilmu, iman dan akhlak yang mulia.

Kedua: Belia hendaklah bersikap tangkas, berdaya saing dan bijak menghadapi cabaran semasa termasuk perkembangan teknologi dan pengaruh sosial tanpa mengabaikan syariat Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Ketiga: Semua pihak bertanggungjawab membimbing dan membuka ruang kepada generasi muda agar lahir pemimpin yang mampu membawa kesejahteraan kepada agama, masyarakat dan negara.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah Luqman ayat 7:

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ

عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat yang makruf, dan cegahlah (mereka) daripada yang mungkar serta bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu! Sesungguhnya perkara itu merupakan urusan yang perlu diambil berat dengan penuh keazaman.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.2/2016
memutuskan bahawa:

Adalah haram bagi orang Islam melibatkan hartanya dan dirinya dalam membina atau membaiki rumah ibadat bukan Islam. Apa yang dimaksudkan dengan penglibatan hartanya ialah memberi sumbangan, menderma, mewakafkan, menghulurkan bantuan, menolong mengutip derma atau memberi sokongan atau apa jua bentuk pemberian harta-hartanya.



قَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينِ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَوَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ فُولاو فِينِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG